

## MyCC LANCAR KAJI SELIDIK BERSKALA NASIONAL UNTUK PERKUKUH LANDSKAP EKONOMI DIGITAL MALAYSIA

**KUALA LUMPUR, 7 MEI 2025** – Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah mengumumkan pelancaran kaji selidik berskala nasional berikutan pelaksanaan Kajian Semula Pasaran Ekosistem Ekonomi Digital, yang dijalankan di bawah seksyen 11 Akta Persaingan 2010. Kajian ini yang telah bermula pada Julai 2024 dan dijangka selesai pada Disember 2025, bertujuan untuk menilai struktur pasaran dan dinamik persaingan merentasi lima subsektor kritikal yang menjadi tulang belakang pasaran digital di Malaysia. Lima subsektor tersebut adalah:

- (i) Pengendalian mudah alih dan sistem pembayaran;
- (ii) Pasaran runcit e-dagang;
- (iii) Perkhidmatan pengiklanan digital;
- (iv) Agensi pelancongan dalam talian (OTA); dan
- (v) Privasi dan perlindungan data (analisis rentas sektor).

MyCC bertekad untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap impak dominasi platform global terutamanya dalam mencorak cara kita berhubung dan menjalani kehidupan dalam era digitalisasi. Inisiatif ini mencerminkan komitmen yang kukuh dan berpanjangan MyCC dalam usaha untuk menangani cabaran persaingan dalam ekosistem ekonomi digital negara yang kian membangun. Dengan pengaruh platform digital yang semakin meluas, MyCC berusaha untuk memastikan pertumbuhan ini tidak akan menjelaskan persaingan sihat, ketelusan, serta peluang untuk peniaga-peniaga tempatan berkembang dan bersaing secara adil.

*“Pengguna dan perniagaan semakin bergantung kepada platform digital global yang dominan melalui kecekapan teknologi dan inovasi mereka. Namun, di sebalik kemudahan ini, tersembunyi rangkaian cabaran pasaran, halangan persaingan, dan batasan peraturan yang secara senyap membentuk dinamik industri. Justeru, kajian ini adalah langkah penting merungkai isu-isu yang berlaku dalam pasaran digital,”* Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, En. Iskandar Ismail.

**UNTUK SIARAN SEGERA  
MEJA BERITA / EKONOMI**

MyCC mempunyai agenda yang jelas untuk melindungi persaingan sihat dan memastikan ketelusan, keadilan, serta peluang yang saksama dalam pasaran digital Malaysia.

MyCC menyeru semua pengguna, perniagaan, dan pihak-pihak berkepentingan untuk mengambil bahagian dalam kaji selidik ini dan berkongsi pandangan mengenai perkhidmatan digital yang digunakan. Setiap maklum balas adalah menyumbang kepada pembentukan dasar yang lebih mantap, memperkuuh ekonomi digital negara, dan memastikan persaingan sihat terus berkembang demi manfaat bersama.

**Maklumat kaji selidik:**

Tempoh : 7 Mei 2025 – 6 Jun 2025

Anggaran masa : 15 minit

Pautan tinjauan : [Tinjauan Pasaran Ekonomi Digital MyCC](#)

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my) atau hubungi sekretariat di ced-digitalmr@mycc.gov.my.

-tamat-

UNTUK SIARAN SEGERA  
MEJA BERITA / EKONOMI

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

Bahagian Polisi dan Komunikasi

Telefon Bimbit: +6019 269 6037

Emel: [pcd@mycc.gov.my](mailto:pcd@mycc.gov.my)

### **Mengenai Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)**

Ditubuhkan pada April 2011 melalui Akta Suruhanjaya Persaingan 2010, Suruhanjaya Persaingan ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk melindungi proses persaingan yang seterusnya akan merangsang produktiviti, keusahawanan yang berterusan dan inovasi dalam kalangan perusahaan, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan

Akta 712 ini terpakai kepada semua aktiviti perdagangan yang dijalankan di dalam dan di luar Malaysia yang memberi kesan kepada persaingan dalam pasaran Malaysia. Ia menyediakan kerangka pengawalseliaan termasuk kuasa untuk menyiasat, menghakimi, dan mengenakan hukuman kepada pelaku-pelaku yang melanggar undang-undang persaingan.

MyCC telah menyambut ulangtahun yang ke-14 pada 1 April 2025 dan sehingga kini, MyCC telah mengambil tindakan tegas terhadap 267 syarikat berkaitan dengan kartel dan penyalahgunaan kedudukan dominan yang telah dengan jumlah keseluruhan penalti kewangan yang telah dikenakan melebihi RM664 juta. Keutamaan semasa MyCC adalah termasuk meminda Akta untuk memperkenalkan rejim kawalan penggabungan, menumpukan usaha kepada kartel tipuan bida, kartel dalam sektor makanan dan pertanian, serta menangani cabaran yang dihadapi oleh perundungan dan dasar persaingan berikutkan ekonomi digital. Untuk maklumat lanjut mengenai MyCC, sila layari laman sesawang [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my).